




Malay

taip untuk carian



AM > BERITA

RM13.3 Bilion Wang Tak Dituntut Direkod Setakat April – Akauntan Negara

🕒 17/05/2025 05:44 PM



BATU PAHAT, 17 Mei (Bernama) -- Jabatan Akauntan Negara (JANM) merekodkan RM13.3 bilion Wang Tak Dituntut (WTD) setakat bulan lepas walaupun pelbagai kempen dan promosi telah dilakukan bagi memberi kesedaran kepada orang ramai.

Akauntan Negara Nor Yati Ahmad berkata sejak sistem WTD diwujudkan pada 1977, hanya kira-kira RM4 bilion telah dituntut pemilik atau waris.

Beliau berkata ia mungkin disebabkan individu atau waris tidak menyangka mereka mempunyai rekod WTD selain ada yang tidak pernah membuat semakan dengan JANM.

"Mereka sebenarnya boleh membuat semakan atau mengemukakan permohonan tuntutan melalui portal rasmi atau aplikasi eGumis serta hadir ke cawangan JANM di setiap negeri.

"Kami akan terus melakukan promosi dan aktiviti turun padang menghebahkan kewujudan WTD kerana ia hanya boleh dikeluarkan oleh pemilik atau waris sahaja," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Kampung Angkat MADANI (KAM) dan Santuni MADANI di Sekolah Kebangsaan (SK) Minyak Beku, di sini hari ini.

Sementara itu, mengenai program KAM, beliau berkata pelbagai aktiviti menyantuni penduduk kampung dan projek pembangunan membabitkan penambahbaikan infrastruktur dijalankan.

Nor Yati berkata selain WTD, turut disediakan khidmat pembukaan akaun simpanan kanak-kanak dengan kerjasama Bank Rakyat melibatkan inisiatif RM20 setiap akaun, selain beberapa aktiviti bersama masyarakat turut diadakan.

"Antara yang berlangsung di bawah projek pembangunan fizikal adalah menaik taraf saluran air paip, membaiki pulih balai Islam, membina pagar tanah perkuburan, menambah prasarana kemudahan pengurusan jenazah dan penyerahan sebuah van jenazah.

"Tujuan KAM diadakan untuk merapatkan jurang antara desa dan bandar dengan melengkapkan kemudahan asas, kemudahan kemasyarakatan dan tidak ketinggalan kepada capaian Internet," katanya.

Beliau berkata KAM di Johor merupakan yang kedua setelah JANM berjaya melaksanakannya di Kampung Lubuk Antu, Sarawak tahun lepas dan program ini dijangka berterusan selepas ini.

--BERNAMA